



# MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

## PANDUAN PENDAFTARAN CALON *MALYSIAN UNIVERSITY ENGLISH TEST (MUET)*

SESI 1 TAHUN 2020

UNTUK  
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI/  
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH/  
SEKOLAH/INSTITUSI

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA  
BANDAR BARU SELAYANG

TARIKH KEMASKINI: 6 NOVEMBER 2019

## KANDUNGAN

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>HALAMAN</b>
1.	Tarikh Penting Pendaftaran Calon MUET Sesi 1 Tahun 2020	3
2.	Syarat Kelayakan untuk Menduduki Ujian MUET	4
3.	Tempoh Sah Laku Sijil MUET	4
4.	Kertas yang Ditawarkan	4
5.	Yuran Ujian MUET	5
6.	Cara Pendaftaran untuk Menduduki Ujian MUET	5
7.	Calon Berkeperluan Khas (CBK)	7
8.	Tarikh Pendaftaran, Tarikh Ujian, dan Tarikh Tutup Perpindahan Pusat Ujian MUET	7
9.	Pusat Ujian MUET	7
10.	Angka Giliran Calon	8
11.	Penyata Pendaftaran MUET (MUET/PP)	8
12.	Slip Daftar MUET (MUET/D) dan Pembetulan Maklumat	8
13.	Senarai Pengawasan Pusat Ujian MUET	9
14.	Perpindahan Pusat Ujian MUET	9
15.	Permohonan Menumpang Pusat Ujian MUET	9
16.	Penarikan Diri dan Penangguhan Menduduki Ujian MUET	9
17.	Data Maklumat Pendaftaran Calon	10
18.	Calon Lewat	10
19.	Keputusan Ujian MUET	10
20.	Rayuan Penyemakan Semula Keputusan Ujian MUET	10
21.	Kehilangan Sijil MUET	10

## 1 TARIKH PENTING PENDAFTARAN CALON MUET SESI 1 TAHUN 2020

Bil.	Tarikh Akhir		Perkara
	Sekolah/Institusi (Calon Jenis 1, 2, 4, 5, 6, dan 7)	Persendirian Individu (Calon Jenis 3)	
1.	7 – 13 Nov 2019* (Khamis – Rabu)	-	Taklimat oleh Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Negeri (SPP JPN)/Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) ke sekolah/institusi tentang pendaftaran calon sekolah/institusi secara dalam talian melalui portal MPM <a href="http://www.mpm.edu.my">http://www.mpm.edu.my</a> atau pautan terus di <a href="http://online.mpm.edu.my">http://online.mpm.edu.my</a> , atau di <a href="http://portal.mpm.edu.my/web/guest/perkhidmatan-online">http://portal.mpm.edu.my/web/guest/perkhidmatan-online</a> .
2.	14 Nov 2019 (Khamis)	14 Nov 2019 (Khamis)	Pendaftaran calon sekolah/institusi dan Calon Persendirian Individu bagi MUET Sesi 1 Tahun 2020 secara dalam talian <b>DIBUKA</b> .
3.	9 Jan 2020 (Khamis)	9 Jan 2020 (Khamis)	Pendaftaran calon sekolah/institusi dan Calon Persendirian Individu bagi MUET Sesi 1 Tahun 2020 secara dalam talian <b>DITUTUP</b> .
4.	10 Jan 2020 (Jumaat)	10 Jan 2020 (Jumaat)	Pengesahan data pendaftaran calon dan penghantaran Senarai Pusat Ujian MUET [MUET/C3 (Edisi JPN)] oleh SPP JPN dengan memastikan perkara yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Tiada pusat dan calon yang tercicir</li> <li>(b) Mengenal pasti sekolah/institusi yang belum menjelaskan yuran pendaftaran untuk dimaklumkan kepada SUB(PSM), MPM</li> <li>(c) Mengenal pasti pusat yang ingin melanjutkan tempoh pendaftaran dan memaklumpkannya kepada SUB(PSM), MPM</li> <li>(d) Maklumat Calon Berkeperluan Khas (CBK) dari segi Penglihatan (Buta) telah dihantar kepada SUB(PSM), MPM (jika ada).</li> <li>(e) Maklumat CBK dari segi Penglihatan (Rabun), Anggota (Spastik), Pertuturan (Sengau/Gagap), dan Pendengaran (Kurang Dengar/Pekak) telah dihantar kepada SUB(PSM), MPM (jika ada).</li> </ul>
5.	15 Jan 2020 (Rabu)	-	Penghantaran borang CBK dari segi Penglihatan (Buta) [MUET/C5 (Pindaan 2019)] dan borang CBK dari Segi Penglihatan (Rabun), Anggota (Spastik), Pertuturan (Sengau/Gagap), dan Pendengaran (Kurang Dengar/Pekak) [MUET/C6 (Pindaan 2019)] oleh sekolah/institusi ke MPM dan salinan ke SPP JPN
6.	12 Jan 2020 (Ahad)	12 Jan 2020 (Ahad)	Pengesahan MUET/C3 (Edisi MPM) oleh SPP JPN dan penghantarannya kepada SUB(PSM), MPM
7.	13 Jan 2020 (Isnin)	13 Jan 2020 (Isnin)	Pengesahan MUET/JPP (Edisi MPM) oleh SPP JPN dan penghantarannya kepada SUB(PSM), MPM
8.	-	15 Jan 2020 (Rabu)	Penghantaran borang CBK dari segi Penglihatan (Buta) [MUET/C5 (Pindaan 2019)] dan borang CBK dari segi Penglihatan (Rabun), Anggota (Spastik), Pertuturan (Sengau), dan Pendengaran (Kurang Dengar/Pekak) [MUET/C6 (Pindaan 2019)] bagi Calon Persendirian Individu oleh SPP JPN kepada SUB(PSM), MPM (jika ada).

Bil.	Tarikh Akhir		Perkara
	Sekolah/Institusi (Calon Jenis 1, 2, 4, 5, 6, dan 7)	Persendirian Individu (Calon Jenis 3)	
9.	31 Jan 2020 (Jumaat)	31 Jan 2020 (Jumaat)	MUET/D calon dimuat naik ke portal MPM <a href="http://www.mpm.edu.my">http://www.mpm.edu.my</a> untuk disemak dan dicetak oleh calon. Calon dikehendaki membawa MUET/D ke pusat ujian sebagai tiket untuk menduduki ujian.
10.	14 Feb 2020 (Jumaat)	14 Feb 2020 (Jumaat)	Penghantaran Borang Pembetulan Maklumat Calon [MPM/C9 (Pindaan 2019)] tanpa bayaran oleh Pengetua/Ketua Jabatan/calon kepada SUB(PSM), MPM/SPP JPN (calon menggunakan MUET/D yang asal – catatan pembetulan akan dibuat pada Sijil MUET kelak).
11.	14 Feb 2020 (Jumaat)	14 Feb 2020 (Jumaat)	Permohonan menumpang pusat ujian MUET <b>DITUTUP</b> .
12.	21 Feb 2020 (Jumaat)	21 Feb 2020 (Jumaat)	SPP JPN menghantar Borang Perpindahan Pusat Ujian MUET [MUET/C2 (Pindaan 2019)] kepada SUB(PSM), MPM dengan memastikan perkara yang berikut:  (a) Semua borang MUET/C2 (Pindaan 2019) telah disemak  (b) Semua bayaran perpindahan pusat ujian telah diterima
13.	3, 5, 9, 10, 11, dan 12 Mac 2020 (Selasa – Khamis)	3, 5, 9, 10, 11, dan 12 Mac 2020 (Selasa – Khamis)	Ujian <i>Speaking</i> MUET Sesi 1 Tahun 2020
14.	25 Mac 2020 (Rabu)	25 Mac 2020 (Rabu)	Penghantaran Senarai Pegawai Pengawasan (MUET/C8) kepada SUB(PSM), MPM
15.	28 Mac 2020 (Sabtu)	28 Mac 2020 (Sabtu)	Ujian Bertulis MUET Sesi 1 Tahun 2020
16.	11 Jun 2020** (Khamis)	11 Jun 2020** (Khamis)	Pengumuman keputusan MUET Sesi 1 Tahun 2020

\* Tempoh adalah tertakluk kepada keputusan SPP JPN.

\*\*Tertakluk kepada pindaan dan keputusan Ketua Eksekutif MPM.

## 2 SYARAT KELAYAKAN UNTUK MENDUDUKI UJIAN MUET

Tiada sebarang syarat yang dikenakan untuk menduduki ujian MUET.

## 3 TEMPOH SAH LAKU SIJIL MUET

Tempoh sah laku keputusan ujian MUET ialah **lima tahun** mulai tarikh keputusan ujian MUET dikeluarkan.

## 4 KERTAS YANG DITAWARKAN

Kertas yang ditawarkan dalam ujian MUET meliputi empat komponen seperti yang berikut:

Kod Kertas	Nama Kertas
800/1	<i>Listening</i> (30 minit)
800/2	<i>Speaking</i> (30 minit)
800/3	<i>Reading</i> (90 minit)
800/4	<i>Writing</i> (90 minit)

Nota: Untuk maklumat lanjut sila rujuk Sukatan Pelajaran MUET (*Regulations, Test Specifications, Test Format, and Sample Questions*) yang dapat diperoleh melalui portal MPM <http://www.mpm.edu.my>.

## 5 YURAN UJIAN MUET

- (a) Bayaran untuk menduduki ujian MUET adalah seperti yang berikut:

Yuran pendaftaran	RM 40.00
Yuran mata pelajaran	RM 60.00
<b>Jumlah</b>	<b><u>RM100.00</u></b>

- (b) Pembelian nombor PIN MEC oleh pihak sekolah/institusi di BSN boleh dibuat di kaunter BSN secara tunai atau menggunakan cek. Ianya juga boleh dibeli melalui kiosk BSN atau secara perbankan internet.

Nota: **BSN akan mengenakan caj sebanyak RM1.00 bagi setiap pembelian nombor PIN MEC.**

- (c) PIN MEC juga boleh dibeli melalui perbankan internet selain daripada Bank Simpanan Nasional, iaitu menggunakan akaun bank yang masih aktif di url <https://dapatpay.dapat.com/mpm/>.
- (d) Penjualan PIN MEC MUET Sesi 1 Tahun 2020 akan dibuka dari **14 November 2019 hingga 8 Januari 2020**.
- (e) Pihak sekolah/Institusi dinasihatkan supaya berunding dengan pihak cawangan BSN terlebih dahulu jika hendak membuat pembelian nombor PIN MEC secara pukal menggunakan cek. Pembelian menggunakan cek adalah tertakluk kepada kelulusan cawangan BSN tersebut.
- (f) Bayaran yang telah dibuat akan terpapar pada **Penyata Pendaftaran MUET (MUET/PP)** untuk rujukan calon selepas selesai pendaftaran secara dalam talian.
- (g) Bayaran pembelian PIN MEC yang telah dibuat **tidak akan dikembalikan** sekiranya calon gagal didaftarkan pada tarikh yang telah ditetapkan. PIN MEC yang telah dibeli itu juga **tidak boleh** digunakan untuk mendaftar ujian MUET sesi yang berikutnya.

## 6 CARA PENDAFTARAN UNTUK MENDUDUKI UJIAN MUET

### 6.1 Calon Sekolah/Institusi

- (a) Pendaftaran calon sekolah/institusi dibuat secara dalam talian melalui portal MPM <http://www.mpm.edu.my> atau pautan terus di <http://online.mpm.edu.my>, atau di <http://portal.mpm.edu.my/web/guest/perkhidmatan-online>.
- (b) SPP JPN hendaklah terlebih dahulu mengemaskinikan maklumat sekolah/institusi yang akan menjadi pusat ujian MUET sebelum pendaftaran dibuka.
- (c) Pengetua/Ketua Jabatan sekolah/institusi hendaklah memaklumkan nama Setiausaha Peperiksaan (SUP) sekolah/institusinya kepada SPP JPN dan PPD.
- (d) Taklimat tentang kaedah pendaftaran secara dalam talian di peringkat daerah kepada semua SUP sekolah/institusi hendaklah diberikan oleh pegawai PPD.
- (e) Pihak sekolah/institusi juga boleh mendapatkan maklumat tentang pendaftaran calon ujian MUET untuk sekolah/institusi melalui portal MPM <http://www.mpm.edu.my>.
- (f) Pihak sekolah/institusi perlu mendapatkan **Nama Pengguna** dan **Kata Laluan** daripada SPP JPN untuk masuk ke dalam sistem pendaftaran dalam talian ini. SUP sekolah/institusi dinasihatkan untuk memuat turun/mencetak **Manual Sekolah** di <http://online.mpm.edu.my> yang terpapar pada ikon "sekolah" untuk rujukan sebelum memulakan aplikasi sistem pendaftaran dalam talian tersebut.
- (g) Pengetua/Ketua Jabatan sekolah/institusi hendaklah mengarahkan SUP untuk mengurus pendaftaran sekolah/institusi dengan mengambil tindakan yang berikut:
- Mengemaskinikan maklumat sekolah yang terdapat dalam sistem pendaftaran dalam talian
  - Mengisi data maklumat pendaftaran calon bagi sekolah/institusi yang ingin menduduki ujian MUET

- (iii) Mengenalpasti Calon Berkeperluan Khas (CBK) dari segi **penglihatan** (buta atau rabun), **anggota** (spastik), **pendengaran** (kurang dengar/pekak), **pertuturan** (sengau/gagap), dan selain daripada yang dinyatakan, dan mendaftarkannya bersama-sama dengan calon lain, tetapi **pemberitahuan** bahawa calon tersebut adalah CBK dan kemudahan yang dipohon adalah seperti tindakan pada **para 7**.
- (iv) Memastikan nombor PIN MEC disediakan dengan secukupnya oleh calon sekolah/institusi yang ingin menduduki MUET
- (v) Menyemak maklumat awal pendaftaran calon melalui Penyata Pendaftaran MUET (MUET/PP) seperti ejaan nama, nombor Kad Pengenalan, dan maklumat lain yang tercatat pada MUET/PP adalah betul, dan mengemaskinikannya jika terdapat pindaan oleh calon sebelum sistem pendaftaran ditutup. MUET/PP ini boleh digunakan sebagai **bukti pendaftaran telah dibuat** bagi menuntut Slip Daftar MUET (MUET/D) calon (jika maklumat calon tiada dalam semakan MUET/D). **Tiada MUET/PP bermaksud pendaftaran calon tersebut tidak berjaya/tidak lengkap.**
- (vi) Memastikan data maklumat pendaftaran calon adalah betul sebelum membuat pengesahan secara dalam talian
- (vii) Menyemak MUET/D bagi calon sekolah/institusi dan **menyediakan buku log** bagi merekodkan penyemakan MUET/D oleh calon
- (viii) Memaklumkan kepada SPP JPN atau MPM (u.p **Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET**) di talian 03-61261600 atau emel [psm@mpm.edu.my](mailto:psm@mpm.edu.my) dengan kadar **SEGERA**, jika terdapat calon yang telah didaftarkan tiada dalam semakan MUET/D (maklumat calon sekolah/institusinya tercicir)
- (ix) Mematuhi tarikh akhir pengesahan data maklumat pendaftaran/bahan/dokumen pendaftaran seperti yang telah ditetapkan oleh SPP JPN

## 6.2 Calon Persendirian Individu

- (a) Pendaftaran Calon Persendirian Individu dibuat secara dalam talian melalui portal MPM <http://www.mpm.edu.my> atau pautan terus di <http://online.mpm.edu.my>, atau di <http://portal.mpm.edu.my/web/guest/perkhidmatan-online>.
- (b) Calon Persendirian Individu dikehendaki mendapatkan maklumat tentang pendaftaran ujian MUET melalui portal MPM dan merujuk kepada **Manual Calon Persendirian Individu** yang terpapar pada ikon Calon Persendirian Individu dalam <http://online.mpm.edu.my> dan juga **Arahan dan Panduan Pendaftaran Calon 2020** untuk rujukan sebelum memulakan aplikasi sistem pendaftaran dalam talian tersebut.
- (c) Bagi calon yang baru pertama kali mendaftar ujian MUET, calon perlu mendaftar sebagai Pengguna MESP terlebih dahulu. Sila klik ikon "Daftar Pengguna" pada portal MPM dan isikan maklumat ringkas yang diperlukan berserta Kata Laluan. **Calon yang berjaya mendaftar Pengguna MESP tidak bermakna telah berjaya mendaftar ujian MUET.** Calon perlu log masuk sistem pendaftaran kembali menggunakan Kata Laluan yang telah ditetapkan tersebut dan meneruskan pendaftaran.
- (d) Bagi calon yang pernah mendaftar MUET sebelum ini, sila log masuk menggunakan ID Pengguna dan Kata Laluan yang telah ditetapkan semasa pendaftaran yang lalu. Sekiranya calon lupa Kata Laluan tersebut, sila klik pada butang "Lupa Kata Laluan" atau boleh menghubungi MPM.
- (e) Calon boleh memilih pusat ujian yang dikehendaki semasa membuat pendaftaran secara dalam talian tetapi **ketetapan pusat ujian adalah tertakluk kepada SPP JPN.** SPP JPN berhak untuk memindahkan Calon Persendirian Individu ke pusat lain selain daripada yang telah dipilih.
- (f) Bagi CBK dari segi **penglihatan** (buta atau rabun), **anggota** (spastik), **pendengaran** (kurang dengar/pekak), **pertuturan** (sengau/gagap), dan selain daripada yang dinyatakan juga perlu mendaftar secara dalam talian, tetapi **pemberitahuan** bahawa calon tersebut adalah CBK dan keistimewaan yang dipohon adalah seperti tindakan pada **para 7**.

## 7 CALON BERKEPERLUAN KHAS (CBK)

- (a) Calon Berkeperluan Khas (CBK) dari segi **penglihatan** (buta atau rabun), **anggota** (spastik), **pendengaran** (kurang dengar/pekak), **pertuturan** (sengau/gagap), dan selain daripada yang dinyatakan hendaklah dimaklumkan ke MPM **selewat-lewatnya pada 15 Januari 2020**.
- (b) Maklumat tentang ketidakupayaan dan kemudahan yang dipohon hendaklah dimaklumkan dengan jelas dan lengkap dalam **Borang Maklumat Calon Cacat Penglihatan (Buta), iaitu MUET/C5 (Pindaan 2019)** atau **Borang Maklumat Calon Istimewa, iaitu MUET/C6 (Pindaan 2019)** (mana-mana yang berkenaan) mengikut jenis ketidakupayaan yang dapat diperoleh dan dicetak daripada portal MPM. Sila sertakan salinan dokumen sebagai bukti ketidakupayaan yang dialami seperti laporan perubatan, Kad Jabatan Kebajikan Masyarakat, dan pengesahan Pengetua/Ketua Jabatan (jika calon sekolah/institusi). **Kemudahan yang boleh diberikan kepada CBK hanya akan dipertimbangkan jika borang MUET/C5 (Pindaan 2019) atau MUET/C6 (Pindaan 2019) (mana-mana yang berkenaan) diterima oleh MPM.**
- (c) SPP JPN hendaklah mengumpulkan borang MUET/C5 (Pindaan 2019) atau MUET/C6 (Pindaan 2019) yang diterima daripada Calon Persendirian Individu dan menghantar borang tersebut ke MPM (u.p. **Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET**).

## 8 TARIKH PENDAFTARAN, TARIKH UJIAN, DAN TARIKH TUTUP PERPINDAHAN PUSAT UJIAN MUET

PERKARA	MUET SESI 3 TAHUN 2020
Tarikh Pendaftaran Dibuka	14 November 2019
Tarikh Pendaftaran Ditutup	9 Januari 2020
Tarikh Tutup Perpindahan Pusat Ujian	17 Januari 2020
Tarikh Ujian <i>Speaking</i>	3, 5, 9, 10, 11, dan 12 Mac 2020
Tarikh Ujian Bertulis	28 Mac 2020

## 9 PUSAT UJIAN MUET

### 9.1 Nombor Pusat Ujian MUET

Nombor pusat ujian MUET hendaklah ditentukan oleh SPP JPN sebelum pendaftaran dibuka.

### 9.2 Bilangan Calon

Bilangan calon di sesuatu pusat ujian MUET **tidak** boleh lebih daripada **216 orang**.

### 9.3 Penetapan Pusat Ujian MUET

- (a) Penempatan Calon Persendirian Individu di sesebuah pusat ujian MUET adalah tertakluk kepada kelulusan SPP JPN. SPP JPN berhak untuk memindahkan Calon Persendirian Individu ke pusat lain selain daripada yang telah dipilih.
- (b) SPP JPN juga boleh menumpangkan calon sekolah/institusi di pusat lain jika didapati bilangan calon di sekolah/institusi tersebut tidak ekonomik dari segi pengendalian ujian. Namun demikian, pertimbangan ini perlu mengambil kira beberapa faktor seperti kedudukan geografi/lokasi dan latar belakang calon di sekolah/institusi tersebut, serta perlu dibuat perbincangan/perundingan dengan Pengetua/Ketua Jabatan sekolah/institusi yang berkenaan sebelum tindakan ini diambil.

### 9.4 Senarai Pusat Ujian MUET (MUET/C3)

- (a) Senarai Pusat Ujian MUET (MUET/C3) merupakan dokumen penting yang mengandungi kod pusat, nama sekolah/institusi, jenis calon, dan bilangan calon yang didaftarkan di sesebuah negeri.
- (b) SPP JPN perlu menyemak dan meneliti MUET/C3 sebelum membuat pengesahan bagi mengelakkan tiada pusat dan calon yang tercicir. Keciciran pusat dan calon akan menimbulkan kesulitan dari segi pengendalian ujian terutamanya dari aspek bekalan kertas soalan.

## 10 ANGKA GILIRAN CALON

Angka giliran calon bagi semua calon akan ditetapkan oleh MPM. Angka giliran calon akan diberitahu melalui Slip Daftar MUET (MUET/D).

## 11 PENYATA PENDAFTARAN MUET (MUET/PP)

- (a) Butiran pendaftaran awal calon boleh disemak melalui Penyata Pendaftaran Calon (MUET/PP). Pihak sekolah/institusi dan Calon Persendirian Individu hendaklah **mencetak/menyimpan dalam format pdf MUET/PP** sebagai bukti pendaftaran telah berjaya. **Pendaftaran MUET masih belum lengkap/tidak berjaya sekiranya MUET/PP gagal dicetak/disimpan.**
- (b) SUP sekolah/institusi dan Calon Persendirian Individu hendaklah menyemak MUET/PP bagi memastikan semua maklumat yang tercetak adalah betul.
- (c) Bagi calon sekolah/institusi, jika terdapat sebarang pindaan pada nombor Kad Pengenalan atau ejaan nama, sila kemukakan pindaan tersebut kepada SUP sekolah/institusi untuk dikemaskinikan secara dalam talian.
- (d) Calon Persendirian Individu boleh membetulkan maklumat yang silap dengan mengemaskinikan butiran pendaftaran diri secara dalam talian tetapi pengemaskinian tersebut hanya dihadkan sebanyak **dua kali** sahaja sepanjang tempoh pendaftaran dibuka.
- (e) Pengemaskinian maklumat pendaftaran secara dalam talian hanya boleh dilakukan sepanjang tempoh pendaftaran dibuka sahaja. Selepas tarikh tutup pendaftaran, SUP sekolah/institusi dan Calon Persendirian Individu perlu memohon pindaan maklumat secara manual dengan mengemukakan **Borang Pembetulan Maklumat Calon [MUET/C9 (Pindaan 2019)]** ke MPM dengan menyertakan bersama salinan kad pengenalan dan MUET/PP yang silap tersebut tanpa dikenakan bayaran. Pindaan maklumat ini akan dilakukan pada MUET/D kelak.

## 12 SLIP DAFTAR MUET (MUET/D) DAN PEMBETULAN MAKLUMAT

- (a) Pengesahan butiran pendaftaran calon untuk menduduki ujian MUET akan diberitahu kepada calon dalam Slip Daftar MUET (MUET/D) melalui portal MPM atau pautan terus di <http://portal.mpm.edu.my/web/guest/perkhidmatan-online> mulai **31 Januari 2020**. Jika maklumat calon tiada dalam semakan MUET/D, sila hubungi terus MPM (u.p. **Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET**) di talian 03-61261600 atau emel di [psm@mpm.edu.my](mailto:psm@mpm.edu.my) dengan kadar **SEGERA**. Bagi calon sekolah/institusi, sila hubungi MPM melalui Pengetua/Ketua Jabatan sekolah/institusi masing-masing.
- (b) Calon sekolah/institusi perlu menyemak MUET/D masing-masing. SUP sekolah/institusi hendaklah menyediakan buku log bagi memastikan semua calon telah menyemak MUET/D masing-masing dengan merekodkan dalam buku log tersebut.
- (c) Calon hendaklah menyemak butiran yang tercatat pada MUET/D seperti nombor Kad Pengenalan, ejaan nama, angka giliran, pusat menduduki ujian, tarikh, dan waktu ujian. Jika terdapat kesilapan, calon dikehendaki mengisi **Borang Pembetulan Maklumat Calon [MUET/C9 (Pindaan 2019)]** dan menghantarnya kepada MPM (u.p. **Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET**) melalui Pengetua/Ketua Jabatan sekolah/institusi masing-masing dengan **kadar segera**. Pembetulan maklumat juga hendaklah dimaklumkan kepada Ketua Pengawas di pusat ujian untuk dicatatkan dalam Buku Rekod Pengawasan. Pembetulan hanya akan dibuat pada Sijil MUET yang akan dikeluarkan kelak. **MUET/D yang sedia ada ini adalah sah digunakan untuk menduduki ujian MUET.**
- (d) Calon hendaklah menggunakan nombor Kad Pengenalan yang sama semasa ujian kelak. Sebarang kesilapan akan menimbulkan salah faham dengan Pengawas ujian kelak dan akan menyusahkan calon sendiri.
- (e) Permohonan pindaan maklumat yang dibuat **selepas dua minggu MUET/D dimuatnaik** akan dikenakan caj **RM25.00**. Pindaan maklumat ini akan dilakukan pada Sijil MUET kelak. Sekiranya permohonan pindaan ini dibuat **selepas keputusan MUET diumumkan/Sijil MUET dicetak**, calon perlu mengemukakan **Borang Permohonan Salinan Sijil MUET/STPM [MPM/S2 (Pindaan 2019)]** berserta bayaran **RM40.00** ke MPM serta melengkapkan borang MUET/C9 (Pindaan 2019) (tanpa bayaran).
- (f) Calon boleh menyemak status MUET/D melalui Sistem Mesej Singkat (SMS) dengan menaip **MUET <jarak>INFO<jarak>No. Kad Pengenalan dan hantar ke 15888.**



### 13 SENARAI PENGAWASAN PUSAT UJIAN MUET

- (a) SPP JPN hendaklah melantik Penyelia Kawasan, Ketua Pengawas, dan Pengawas selepas MUET/C3 edisi MPM disahkan. Format borang Senarai Pegawai-Pegawai Pengawasan (MUET/C8) dapat diperoleh dan dicetak daripada portal MPM.
- (b) MUET/C8 yang telah dilengkapkan hendaklah dihantar ke MPM **selewat-lewatnya seminggu sebelum Ujian Bertulis MUET bermula**. Maklumat boleh dihantar secara emel ke MPM.

### 14 PERPINDAHAN PUSAT UJIAN MUET

- (a) Perpindahan dari satu pusat ke satu pusat ujian yang lain hanya akan dibenarkan jika alasan yang dikemukakan oleh calon adalah **munasabah** dengan disertakan **bukti** yang berkenaan untuk **menyokong permohonan**. Permohonan untuk berpindah pusat ujian dalam bandar yang sama **tidak** dibenarkan. Calon hendaklah melengkapkan borang **Permohonan Perpindahan Pusat Ujian [MUET/C2 (Pindaan 2019)]** yang dapat diperoleh dan dicetak daripada portal MPM. Permohonan hendaklah dihantar ke MPM (u.p. **Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET**) dan salinan kepada Ketua Penolong Pengarah, Sektor/Unit Pentaksiran dan Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Negeri.
- (b) Bayaran sebanyak **RM25.00** akan dikenakan dan perlu dibuat dalam bentuk Wang Pos/Kiriman Wang atas nama penerima **Ketua Eksekutif, Majlis Peperiksaan Malaysia**. Permohonan hendaklah dihantar ke MPM (u.p. **Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET**) dan salinan kepada Ketua Penolong Pengarah, Sektor/Unit Pentaksiran dan Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Negeri sebelum atau pada **17 Januari 2020**. Bayaran permohonan bagi calon yang **tidak** diluluskan perpindahan pusat ujiannya akan dikembalikan.

### 15 PERMOHONAN MENUMPANG PUSAT UJIAN MUET

- (a) Calon yang ditolak permohonannya untuk berpindah pusat ujian MUET kerana permohonannya lewat mungkin dibenarkan menumpang pusat ujian.
- (b) Calon yang menumpang untuk mengambil ujian di sesuatu pusat ujian atas sebab-sebab peribadi mestilah mendapat kelulusan MPM terlebih dahulu. Calon hendaklah membuat permohonan kepada Ketua Eksekutif, MPM melalui borang MUET/C2 (Pindaan 2019) dan hendaklah menyertakan bayaran sebanyak **RM25.00** yang dibuat dalam bentuk Wang Pos/Kiriman Wang atas nama penerima **Ketua Eksekutif, Majlis Peperiksaan Malaysia selewat-lewatnya pada** . **Permohonan calon hanya akan dipertimbangkan jika kertas soalan di pusat berkenaan mencukupi**.
- (c) Calon perlu menyemak, mencetak, dan membawa surat kelulusan menumpang pusat ujian pada hari ujian kelak. Surat tersebut akan dimuatnaik di portal MPM atau pautan terus di <http://portal.mpm.edu.my/web/guest/perkhidmatan-online>. Pihak MPM **tidak akan mengubah MUET/D yang sedia ada di portal mengikut pusat ujian tumpang yang baharu tersebut**. Sila guna MUET/D sedia ada ini untuk tujuan menumpang pusat.
- (d) Calon yang ingin memohon untuk menumpang pusat ujian hendaklah mengambil tindakan pada para 14(a) dan 14(b) di atas selewat-lewatnya pada **14 Januari 2020**.

### 16 PENARIKAN DIRI DAN PENANGGUHAN MENDUDUKI UJIAN MUET

- (a) Calon yang menarik diri daripada menduduki ujian MUET dikehendaki mengisi **Borang Calon Menarik Diri [MUET/C4 (Pindaan 2019)]** yang dapat diperoleh dan dicetak dari portal MPM. Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar ke MPM bersama dengan surat bukti **sebelum** calon menduduki kertas ujian MUET yang **pertama**.
- (b) Calon yang menarik diri tidak akan dikembalikan yuran ujian **kecuali** calon yang **sakit berpanjangan** (surat pengesahan daripada Pegawai Perubatan kerajaan hendaklah dikemukakan) atau calon yang **meninggal dunia** (salinan surat Perakuan Kematian hendaklah dikemukakan oleh warisnya) atau calon yang diluluskan permohonannya untuk memasuki **Universiti Awam** (salinan surat tawaran hendaklah dikemukakan oleh calon).
- (c) Pada dasarnya, calon yang memohon untuk menanggung daripada menduduki ujian MUET adalah **tidak** akan dilayan, namun SPP JPN atau pihak sekolah/institusi boleh menasihati calon untuk mengemukakan rayuan kepada MPM (u.p. **Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET**) untuk tindakan selanjutnya.

## 17 DATA MAKLUMAT PENDAFTARAN CALON

- (a) SPP JPN hendaklah mengenal pasti dan memantau sekolah/institusi atau daerah/bahagian yang mempunyai calon ujian MUET bagi memastikan calon sekolah/institusi atau daerah/bahagian tersebut mendaftar untuk mengambil ujian MUET **sebelum tarikh tutup pendaftaran**.
- (b) SPP JPN juga digalakkan untuk memberitahu Pengetua/Ketua Jabatan sekolah/institusi supaya **mengisi data maklumat pendaftaran calon dan menghantar dokumen yang berkaitan lebih awal** bagi mengelakkan sebarang kelewatan yang boleh menimbulkan masalah.

## 18 CALON LEWAT

Calon yang ingin mendaftar untuk menduduki ujian MUET selepas tarikh tutup pendaftaran hendaklah diarahkan menghantar permohonan terus kepada **Ketua Eksekutif, Majlis Peperiksaan Malaysia** untuk dipertimbangkan.

## 19 KEPUTUSAN UJIAN MUET

- (a) Keputusan ujian MUET bagi calon sekolah/institusi akan dihantar kepada Pengetua/Ketua Jabatan sekolah/institusi berkenaan melalui SPP JPN, manakala bagi Calon Persendirian Individu, keputusan ujian MUET akan dihantar kepada calon melalui pos.
- (b) Calon juga boleh menyemak keputusan ujian MUET melalui portal MPM <http://www.mpm.edu.my> atau melalui SMS dengan menaip **MUET<jarak>RESULT<jarak>No. Kad Pengenalan dan hantar ke 15888**.

## 20 RAYUAN PENYEMAKAN SEMULA KEPUTUSAN UJIAN MUET

- (a) Calon yang kurang berpuas hati dengan keputusan ujian MUET yang diperoleh boleh membuat rayuan penyemakan semula keputusan. Caj bagi rayuan penyemakan semula ialah **RM70.00**. Tarikh tutup permohonan rayuan penyemakan semula ini ialah **seminggu selepas tarikh keputusan ujian MUET diumumkan**.
- (b) Permohonan adalah secara online di portal MPM atau pautan terus di <http://portal.mpm.edu.my/web/guest/perkhidmatan-online>. Bayaran bagi permohonan ini adalah sepertimana yang dinyatakan pada para 5(b) dan 5(c).
- (c) Keputusan rayuan penyemakan semula keputusan ujian MUET boleh disemak di portal MPM atau pautan terus di <http://portal.mpm.edu.my/web/guest/perkhidmatan-online> selepas **18 hari** dari tarikh permohonan yang lengkap dihantar ke MPM (hari bekerja). MPM hanya akan **mengeluarkan Sijil MUET baharu** kepada calon yang berubah keputusan keseluruhan sahaja.

## 21 KEHILANGAN SIJIL MUET

- (a) Calon yang kehilangan Sijil MUET boleh membuat permohonan untuk mendapatkan Salinan Sijil MUET. Salinan Sijil MUET ini sah digunakan untuk tujuan memohon kemasukan ke universiti, konvokesyen, dan lain-lain tujuan sebagaimana Sijil MUET yang asal.
- (b) Untuk membuat permohonan, calon perlu melengkapkan **Borang Permohonan Salinan Sijil STPM/MUET [MPM/S2 (Pindaan 2019)]** dengan disertakan bayaran **RM40.00** dalam bentuk **Wang Pos/Kiriman Wang** atas nama penerima **Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia**.
- (c) Salinan Sijil MUET yang dimohon secara pos akan diposkan kembali kepada calon dalam masa **dua hari** selepas permohonan lengkap diterima di MPM. Jika permohonan di kaunter MPM, Salinan Sijil MUET akan dikeluarkan dalam tempoh **sejam** daripada permohonan yang lengkap diterima di kaunter MPM.